

26/02/1997

Guru diberi kuasa polis dapat sokongan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelbagai pihak mengalu-alukan keputusan kerajaan memberikan kuasa polis tambahan kepada guru disiplin bagi membolehkan mereka menjalankan tugas tanpa sebarang kebimbangan.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata MBM berharap keputusan itu dikuatkuasakan segera berikutan masalah juvana yang semakin serius.

Menurutnya, langkah itu dijangka meningkatkan motivasi guru disiplin dan membolehkan mereka bertugas dengan berani dan berkesan.

"Bagaimanapun, ia tidak memberi kesan jika gagal mendapat sokongan padu pengetua, guru dan ibu bapa.

"Kementerian Pendidikan juga perlu memberi pengiktirafan secara langsung kepada guru disiplin seperti peluang kenaikan pangkat dan melanjutkan pelajaran.

"Di samping itu, kementerian juga perlu mewujudkan tabung ganti rugi khas sebagai persediaan kemungkinan guru disiplin menghadapi masalah," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Keputusan melengkapkan guru disiplin dengan kuasa polis tambahan itu dicapai dalam pertemuan antara Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor di kementerian berkenaan, semalam.

Berikutan itu, guru disiplin boleh bertindak seperti polis termasuk menahan pelajar yang terbabit dalam kegiatan bertentangan dengan undang-undang.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pula mengalu-alukan kesediaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bekerjasama dengan pembangkang untuk memerangi gejala sosial.

Di MELAKA, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Mo'min Abdul Aziz, berkata keputusan kerajaan itu dapat mencegah kegiatan salah laku di kalangan pelajar daripada menular kepada golongan lain.

(END)